

7 APRIL 2025 (ISNIN) | 8.00 PAGI
DEWAN DE' SERI ENON PUSKAPUTRAJAYA



Anwar, Ahmad Zahid dan Fadilah pada Majlis Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri bersama Warga Kerja Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Bulan April 2025 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Tarif tambahan dikenakan AS bersandar asas lemah

Pelaksanaan tidak dibuat secara teliti, keputusan dipertikai banyak negara

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan tarif tambahan yang dikenakan Amerika Syarikat (AS) ke atas beberapa negara yang berdagang dengannya, dibuat bersandar kepada asas yang lemah.

Perdana Menteri berkata, pengenalnya juga tidak benar-benar dilaksana secara teliti oleh negara kuasa besar itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, Malaysia tidak boleh memandang ringan pendekatan AS itu, biarpun keputusan diambil negara terbabit dilihat aneh dan dipertikai banyak negara.

“Pasca ‘normal time’ kadang-kadang melihatkan beberapa kebijakan politik dan ekonomi yang tidak terjangkau. Ini termasuk pengumuman tarif dengan asas yang saya ingat agak lemah dan penentuan tarif diputuskan itu dengan asas yang dipertikai.”

“Beberapa negara disebut termasuk pulau yang hanya diduduki penguin. Itu maknanya (keputusan tarif tambahan oleh AS)

belum benar-benar teliti.

“Tetapi sebagai sebuah negara, tentunya kita mahu ambil keputusan yang keras, tetapi kebijaksanaan rakan Jemaah Menteri untuk menentukan apa yang diputuskan secara terperinci kerana kenyataan itu umum. Ruang dan perbincangan masih ada,” katanya berucap pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini semalam.

Tindakan bersama ASEAN

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadilah Yusof serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Mengulas lanjut, Anwar ber-

kata, Malaysia akan mengambil pendekatan bersama ASEAN dalam mendepani isu tarif tambahan dikenakan AS ini.

“Kita mahu ambil jalan jalur agak sederhana dan tugas saya, Kementerian Luar dan menteri terkait untuk hubungi rakan ASEAN supaya ada pendirian masing-masing. Kita berdiri tegak sebagai suatu kelompok yang besar kerana ASEAN jumlah penduduknya 640 juta, kekuatan ekonomi yang utama di dunia jika digabungkan keseluruhannya.

“Kita gunakan kekuatan supaya ASEAN sebagai satu kelompok berdiri tegak dan mengemukakan pandangan yang menunjukkan ada kesepakatan. Jadi asas perundingan (dengan AS) itu lebih kukuh,” katanya.